

UMNO, PAS cetus permusuhan

Media digesa henti lapor isu babit agama, perkauman: Dr Mahathir

Oleh Mohd Azis Ngah dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, piagam yang mahu dimeterai UMNO dan PAS menunjukkan, kedua-dua parti itu cuba memainkan isu kaum dan agama dalam kalangan rakyat majmuk negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, perbuatan terbabit boleh mencetuskan permusuhan dalam kalangan rakyat, seperti yang berlaku di negara lain.

“Ini (isu agama dan kaum) tak sihat untuk negara kita. Negara kita berbilang kaum, kalau main isu ini (kaum dan agama), akan cetuskan permusuhan seperti yang berlaku di negara lain.

“Itu tidak baik. Kita main isu baik atau tidak baik (berkaitan) sesuatu dasar, bukan nak cucuk atau api-apikan perasaan kaum dan agama,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di Yayasan Al-Bukhary, di

sini, semalam.

Mesyuarat itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin; Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu serta Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Pada masa sama, Dr Mahathir menggesa pihak media tidak lagi mengapi-apikan isu perkauman dan agama, supaya bahang ketegangan di antara kaum ketika ini kembali reda.

Beliau berkata, beberapa isu membabitkan kaum dan agama yang dilaporkan media hanya mencetuskan kemarahan pihak tertentu, menyebabkan perkara kecil menjadi besar.

Katanya, media tidak boleh membiarkan mereka dipergunakan puak ekstremis dengan mengapi-apikan kebencian di antara kaum dan agama, kerana akibatnya boleh menyebabkan perpecahan dan peperangan seperti yang berlaku pada beberapa negara di Asia Barat.

“Kita dapati ada pihak yang menggembar-gemburkan soal kaum, agama dan perbezaan.

“Ini semua boleh diselesaikan oleh kerajaan dalam Kabinet. Namun, oleh kerana banyak laporan media menimbulkan kemarahan

pihak itu dan ini, maka isu yang kecil menjadi besar dan ia memisahkan kaum di negara kita.

“Kalau kita membenarkan diri dipengaruhi puak ekstremis dan media turut mengapi-apikan perasaan ini, hendak jadi seperti negara di Asia Barat yang berperang walaupun mereka satu bangsa dan bahasa.

“Saya merayu pada media, jangan mainkan isu perkauman dan agama. Lapor kebenaran. Jika kita hanya lapor benda yang tak baik, saya khuatir jika permusuhan antara kaum dan agama berlaku, ia amat sukar untuk dipadamkan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyua-

“Ini (isu agama dan kaum) tak sihat untuk negara kita. Negara kita berbilang kaum, kalau main isu ini (kaum dan agama), akan cetuskan permusuhan seperti yang berlaku di negara lain.”

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

rat semalam antara lain turut membincangkan secara panjang lebar berhubung perkara itu, kerana wujud dakwaan mengatakan kerajaan tidak menangani masalah kaum dan agama yang timbul dengan berkesan.

“Kita putuskan supaya adakan lebih lebih banyak perhubungan dengan media arus perdana dan alternatif, supaya rakyat pelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya dapat hidup aman dan rasa selamat ke mana sahaja kita pergi,” katanya.

Katanya, mesyuarat itu turut membincangkan mengenai dakwaan kerajaan sudah kehilangan sokongan rakyat dan berkemungkinan kalah jika Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan ketika ini.

“Kita bincang panjang lebar berkenaan di mana kesalahan kita. Kita dapati kesalahan itu tidak ada, tapi komunikasi kita kurang baik, walaupun mendapat banyak liputan media.

“Walaupun banyak kita bercakap tentang kejayaan kita, media akan bertanya soal lain supaya ada kontroversi. Media biasanya suka kontroversi,” katanya.

Ditanya mengenai kebanyakan laporan media yang disifatkan ‘kontroversi’ adalah berdasarkan kenyataan pemimpin PH sendiri, Dr Mahathir berkata, pemimpin peringkat akar umbi kerap melatah kerana tidak memahami isu sebenar.

“Pemimpin PH pada peringkat rendah ini kadang-kadang dia tak tahu masalah, sebab itu dia latah, tapi orang lain seperti parti lawan pun cakap pasal itu juga (isu kaum dan agama),” katanya.

Ditanya sama ada media akan disekat jika tidak mengikut kehendak kerajaan, Dr Mahathir menegaskan, PH sudah memberikan kebebasan kepada media dan sedia bertemu wartawan berbanding ketika pentadbiran kerajaan yang lalu.

“Berapa banyak kali kamu jumpa Datuk Seri Najib Razak bila ada isu besar? Kamu tak boleh jumpa dia, dia lari tetapi saya tak pernah lari daripada media,” katanya yang yakin PH mampu kekal berkuasa PRU diadakan hari ini.

“Walaupun ada yang kata kita (PH) akan kalah, tetapi kita yakin kalau kita bertanding hari ini, kita menang juga. Tiada siapa nak ambil balik Datuk Seri Najib (Tun Razak). Pasal kita tahu dia ‘sauk’ duit banyak, kita tak ambil duit,” katanya.

Ditanya mengenai janji untuk menyerahkan jawatan kepada Anwar, beliau menegaskan akan tetap berpegang kepada prinsip menunaikan janji.

“Saya buat janji, saya pegang janji. Bila kata nak letak jawatan, ada pembangkang pada masa itu yang kini kawan saya kata, tak mungkin saya akan letak jawatan tetapi saya (tetap) letak jawatan,” katanya.